

Umno akan berkembang ke Sabah: Mahathir

Oleh ZAINI ZAINUDIN
dan HAW TIAN SOO

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, malam ini mengumumkan penubuhan Umno di Sabah berkuatkuasa serta merta bagi membantu calon yang menentang Parti Bersatu Sabah (PBS).

Katanya, penubuhan Umno di negeri itu bagaimanapun tidak bermakna Usno akan dibubarkan, sebaliknya kedua-dua parti itu akan saling bekerjasama bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

Sehubungan itu, Timbalan Presiden Umno, Encik Ghafar Baba akan ke Sabah esok bagi mengatur bantuan kepada calon Usno dan calon Bebas yang bersetuju menerima bantuan BN.

Encik Ghafar juga ditugaskan untuk merundingkan soal sokongan terhadap penubuhan Umno di Sabah, katanya.

Katanya, Presiden Usno, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang sudah diberitahu mengenai perkara itu.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, keputusan itu dicapai dalam perjumpaan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Seri Perdana di sini.

"Keputusan ini dibuat selepas mengkaji ucapan Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan bahawa Umno dan Semangat 46 sama kuat di segi jumlah ahli dan percaya bahawa orang Melayu di Semenanjung sudah berpecah.

"Datuk Pairin juga terpengaruh dengan manifesto Se-

mangat 46 yang sama dengan manifesto PBS dalam pilihan raya umum ini," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, matlamat penubuhan Umno di Sabah tidak bercanggah dengan perjuangan Usno, sebaliknya kedua-duanya akan saling membantu dalam menentukan kemenangan BN.

Beliau menjelaskan, penubuhan Umno itu dirasakan perlu kerana ada sebahagian besar orang Melayu yang tidak menyertai Usno atau PBS, mahu Umno ditubuhkan di negeri itu.

"Semua orang Melayu di Sabah boleh menyertai Umno, termasuk mereka yang kecewa dengan kepemimpinan PBS, khususnya tindakan Presiden parti itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

"Kita sudah kenal pasti orang yang bakal menerajui parti itu yang mana keluarganya ada kaitan dengan penduduk Semenanjung," katanya.